



LAPORAN TAHUNAN
KUMPULAN WANG
INDUSTRI ELEKTRIK 2017



LAPORAN TAHUNAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK 2017 ini dikemukakan kepada Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) selaras dengan peruntukan Seksyen 44E (2) Akta Bekalan Elektrik 1990 iaitu “Suruhanjaya hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan menghantar suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit dan salinan laporan juruaudit kepada Menteri yang hendaklah menyebabkannya dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen”.

© Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis dari Suruhanjaya Tenaga.

Diterbitkan oleh:

SURUHANJAYA TENAGA (ENERGY COMMISSION)

No. 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2, 62100 Putrajaya, Malaysia

T : 03 8870 8500

F : 03 8888 8637

1-800-2222-78 (ST)

www.st.gov.my

ISSN : 2636-9869

No. Penerbitan : ST(P) 12/09/2018

DICETAK DI MALAYSIA



Isi Kandungan

PERKARA	M/S
PENGENALAN	5
Penubuhan Kumpulan Wang Industri Elektrik	5
Tadbir Urus Kumpulan Wang Industri Elektrik	5-7
PENYALURAN PERUNTUKAN DANA KEPADA KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK	7
Perintah Sumbangan Oleh Pemegang Lesen	7-8
Pembukaan Akaun Kumpulan Wang Industri Elektrik	9
Pemindahan Dana dari TNB ke Akaun Kumpulan Wang Industri Elektrik	9
PEMBIAYAAN OLEH KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK	9
PENEKANAN MASA HADAPAN	10
KRONOLOGI PENGOPERASIAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK	11
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK	13-30

PENGENALAN

Penubuhan Kumpulan Wang Industri Elektrik

Penubuhan Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) terkandung dalam Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447), seperti dipinda tahun 2015 dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2016. Ia terkandung pada Bahagian baru IXa di bawah Seksyen 44c (1) yang memperuntukkan suatu Kumpulan Wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Industri Elektrik” ditubuhkan dan hendaklah ditadbirkan dan dikawal oleh Suruhanjaya Tenaga (ST).

Sumber kewangan KWIE adalah seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 44B (1) dan perenggan 44c (2) Akta Bekalan Elektrik 1990, seperti berikut:

- (a) apa-apa jumlah wang yang diuntukkan dan dibayar oleh pemegang lesen menurut Seksyen 44B;
- (b) apa-apa wang yang diuntukkan oleh Parlimen bagi maksud Kumpulan Wang Industri Elektrik dari semasa ke semasa;
- (c) semua wang yang diperolehi sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik, termasuk faedah pendapatan; dan
- (d) semua wang lain yang diterima secara sah oleh Suruhanjaya bagi pihak Kumpulan Wang Industri Elektrik.

KWIE pula hendaklah dibelanjakan, seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 44c (3) Akta 447 bagi maksud berikut:

- (a) untuk menguruskan impak tarif elektrik terhadap pengguna; atau
- (b) apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya.

Tadbir Urus Kumpulan Wang Industri Elektrik

Penubuhan KWIE yang ditadbir dan dikawal oleh ST merupakan mandat besar yang diberikan oleh Kerajaan agar kumpulan wang ini ditadbir dengan berkesan.

Oleh itu, selaras dengan pindaan Akta Bekalan Elektrik 1990 dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2016 yang memperuntukkan penubuhan KWIE, ST telah menubuhkan Jawatankuasa Kumpulan Wang Industri Elektrik (JKKWIE) bagi mengendalikan akaun KWIE secara berhemah dan telus. Fungsinya, antara lain adalah memutuskan dasar dan tatacara berhubung penerimaan dan penggunaan wang dalam akaun KWIE.



JKKWIE ditubuhkan dengan terma rujukan bagi memastikan wujud *check and balance* dalam tadbir urus KWIE selaras dengan objektif penubuhannya. Keanggotaan JKKWIE adalah dari sektor Kerajaan, seperti Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Suruhanjaya Tenaga, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang dahulunya di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan serta wakil dari sektor bukan Kerajaan iaitu Wakil Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), seperti berikut:

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Anggota Suruhanjaya Tenaga	Pengerusi
2.	Ketua Pegawai Eksekutif, ST	Ahli
3.	Anggota Suruhanjaya Tenaga	Ahli
4.	Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Industri & Kawal Selia Pasaran Elektrik, ST	Ahli
5.	Wakil Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)	Ahli
6.	Wakil Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi	Ahli
7.	Wakil Kementerian Kewangan	Ahli
8.	Wakil Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)	Ahli

Fungsi dan tanggungjawab **JKKWIE** adalah seperti berikut:

- (a) Memutuskan dasar dan tatacara berhubung penerimaan dan penggunaan wang dalam akaun KWIE selaras dengan tujuan penubuhan KWIE;
- (b) Memperakukan amaun wang yang akan digunakan untuk menguruskan impak tarif elektrik seperti yang diputuskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri;
- (c) Menentukan semua laporan dan penyata berhubung dengan akaun KWIE disediakan dan dikemukakan sebagaimana yang ditetapkan dalam Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Kerajaan yang berkaitan;
- (d) Meluluskan Anggaran Perbelanjaan Tahunan Akaun dan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Akaun;
- (e) Memastikan bahawa akaun KWIE berbaki kredit dan tidak terlebih dikeluarkan semasa meluluskan Anggaran Perbelanjaan Akaun; dan
- (f) Menentukan amaun untuk dilaburkan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diluluskan oleh YB Menteri dengan persetujuan YB Menteri Kewangan.

Urusetia bagi JKKWIE adalah Unit Kumpulan Wang Industri Elektrik, Suruhajaya Tenaga.


PENYALURAN PERUNTUKAN DANA KEPADA KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Perintah Sumbangan Oleh Pemegang Lesen

Seksyen 44B (1) Akta Bekalan Elektrik 1990 memperuntukkan seseorang pemegang lesen hendaklah, jika dikehendaki oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam Warta menurut syor yang dibuat oleh Suruhanjaya, menguntukkan dan membayar ke dalam KWIE, mengikut apa-apa cara dan pada apa-apa kadar sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah itu.

Sehubungan itu, Perintah Bekalan Elektrik (Kumpulan Wang Industri Elektrik) (Sumbangan Oleh Tenaga Nasional Berhad) 2017 telah diwartakan pada 7 April 2017 dan dikuatkuasakan pada 8 April 2017 supaya pemegang lesen iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB) menguntukkan dan membayar ke dalam KWIE wang yang diperolehi daripada pelaksanaan semakan tarif asas elektrik di bawah mekanisme Kawal Selia Berinsentif (IBR), seperti berikut:

- (a) Semua wang terkumpul termasuk faedah;
- (b) Terbitan daripada penjimatan yang diperolehi daripada pelaksanaan dan penguatkuasaan perjanjian pembelian tenaga dengan pemegang lesen lain; atau
- (c) Apa-apa sebab wajar yang lain.



Warta Perintah Bekalan Elektrik
(Kumpulan Wang Industri Elektrik)
(Sumbangan Oleh Tenaga Nasional Berhad) 2017



7 April 2017
7 April 2017
P.U. (A) 115

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH BEKALAN ELEKTRIK
(KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK) (SUMBANGAN
OLEH TENAGA NASIONAL BERHAD) 2017

*ELECTRICITY SUPPLY
(ELECTRICITY INDUSTRY FUND)
(CONTRIBUTION BY TENAGA NASIONAL BERHAD)
ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

Pembukaan Akaun Kumpulan Wang Industri Elektrik

Seksyen 44D (2) Akta Bekalan Elektrik 1990 memperuntukkan Suruhanjaya hendaklah membuka dan menyenggara suatu akaun atau akaun-akaun untuk memegang wang dalam KWIE dengan mana-mana bank atau bank-bank di Malaysia sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya, selepas berunding dengan Menteri dan Menteri Kewangan.

Oleh itu, dengan kelulusan YB Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) serta daripada YAB Menteri Kewangan pada 18 Januari 2017, akaun semasa KWIE telah dibuka untuk menerima wang sumbangan daripada pemegang lesen.

Pemindahan Dana dari TNB ke Akaun Kumpulan Wang Industri Elektrik

Dengan penguatkuasaan Perintah Bekalan Elektrik (Kumpulan Wang Industri Elektrik) (Sumbangan Oleh Tenaga Nasional Berhad) 2017, TNB telah memindahkan dana terkumpul yang disimpannya ke akaun KWIE daripada sumber penjimatan Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) dan Mekanisme Pengebilan Gas (GBM) termasuk faedah berjumlah RM1,865.71 juta. TNB telah memindahkan sebanyak RM1,647.34 juta pada 4 Ogos 2017 dan 6 September 2017 manakala bakinya RM218.37 juta pada tahun 2018.


PEMBIAYAAN OLEH KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

KWIE digunakan untuk membayar tuntutan kos ICPT bagi kos surcaj, iaitu kos perubahan harga bahan api dan kos rebat yang dikemukakan oleh TNB dan N.U.R Distribution Sdn. Bhd, seperti kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Jun 2017 dan 13 Disember 2017.

Sejumlah RM1,239.47 juta kos ICPT ditampung oleh KWIE bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017, iaitu RM1,206.37 juta dibayar kepada TNB dan RM33.10 juta kepada N.U.R Distribution Sdn. Bhd.



PENEKANAN MASA HADAPAN



Melangkah ke hadapan, selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 44B (1) Akta Bekalan Elektrik 1990, jumlah wang yang akan diuntukkan dan dibayar oleh pemegang lesen kepada KWIE perlu dikaji semula dengan keutamaan, seperti berikut:

- (a) Penerimaan wang sumbangan dan pendapatan-pendapatan lain, termasuk keuntungan yang diperoleh daripada penempatan di institusi-institusi kewangan/bank bagi memastikan pengguna dan rakyat mendapat lebih manfaat, khususnya dalam menangani kesan kenaikan kos dalam pembekalan elektrik;
- (b) Penggunaan dana KWIE terutamanya untuk mengurus impak tarif elektrik terhadap pengguna bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat;
- (c) Penggunaan dana KWIE bagi maksud lain berkaitan dengan industri elektrik bagi tujuan pembangunan industri pembekalan elektrik; dan
- (d) Keperluan KWIE mempunyai dana yang mampan supaya dapat melaksanakan fungsi untuk menguruskan impak tarif elektrik terhadap pengguna seperti yang diputuskan oleh Kerajaan.

KRONOLOGI PENGOPERASIAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Penubuhan Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) terkandung dalam Akta Bekalan Elektrik 1990, seperti dipinda tahun 2015 dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2016.



Penubuhan Jawatankuasa Kumpulan Wang Industri Elektrik (JKKWIE) bagi mengendalikan akaun KWIE secara berhemah dan telus pada 4 Ogos 2015.



Perintah Bekalan Elektrik (Kumpulan Wang Industri Elektrik) (Sumbangan Oleh Tenaga Nasional Berhad) 2017 telah diwartakan pada 7 April 2017 dan dikuatkuasakan pada 8 April 2017 supaya pemegang lesen iaitu TNB menguntukkan dan membayar ke dalam KWIE.




Pemindahan dana oleh TNB sebanyak RM1,865.71 juta ke akaun KWIE bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017. Sebanyak RM1,647.34 juta dipindahkan pada 4 Ogos 2017 dan 6 September 2017 manakala bakinya RM218.37 juta pada tahun 2018.



Pembayaran untuk kos ICPT sebanyak RM1,206.37 juta kepada TNB dan RM33.10 juta kepada N.U.R Distribution Sdn. Bhd. berjumlah RM1,239.47 juta bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017.



Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 5 hingga 14.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Emphasis of Matter

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut: KWIE telah melaburkan dana sejumlah RM2,371 juta dalam simpanan tetap di bank berlesen. Permohonan kelulusan telah dihantar kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Bagaimanapun, kelulusan bagi melabur sejumlah RM2,371 juta tidak mendapat kelulusan Kementerian Kewangan tertakluk Seksyen 44D Akta 1501 - Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Industri Elektrik bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015. Ahli Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik, Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Industri Elektrik untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud.

Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk

mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Industri Elektrik.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Industri Elektrik sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kumpulan Wang Industri Elektrik telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hai-hal Lain

- a. Laporan ini dibuat untuk Ahli Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(JOHARI BIN ISMAIL)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
12 JUN 2018



**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK**

Saya Asma Aini Binti Mohd Nadzri, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Korporat yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Industri Elektrik dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di **BANGI, SELANGOR**.....)
pada **06 JUN 2018**.....)


.....

Di hadapan saya,




.....

No. 23-1, Tingkat 1, Jalan 7/7A;.....
Seksyen 7, 43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan. **PESURUHJAYA SUMPAAH**

**PENYATA Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif
SURUHANJAYA TENAGA**


Kami, Datuk Ir. Ahmad Fauzi Bin Hasan dan Ir. Azhar Bin Omar yang merupakan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Suruhanjaya Tenaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Industri Elektrik pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Anggota,

Bagi Pihak Anggota,



.....
Datuk Ir. Ahmad Fauzi Bin Hasan
Pengerusi

Tarikh: **06 Jun 2018**Tempat: Suruhanjaya Tenaga
Presint 2, Putrajaya

.....
Ir. Azhar Bin Omar
Ketua Pegawai Eksekutif

Tarikh: **06 Jun 2018**Tempat: Suruhanjaya Tenaga
Presint 2, Putrajaya

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

	Nota	2017 RM
ASET SEMASA		
Faedah Belum Terima	5	402,639
Tunai dan Kesetaraan Tunai	6	931,479,070
Penghutang	7	218,374,664
		1,150,256,373
LIABILITI SEMASA		
Pemiutang	8	(509,961,105)
Pelbagai Pemiutang	9	(28,215)
Peruntukan Cukai		(179,233,425)
		(689,222,745)
ASET SEMASA BERSIH		461,033,628
Dibiayai Oleh:		
Dana Berkumpul		461,033,628
		461,033,628

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 24 hingga 30 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	Nota	2017 RM
PENDAPATAN		
Terimaan Sumbangan	10	1,865,713,141
KOS PELEPASAN BAHAN API (ICPT) / SURCAJ	11	(1,239,476,462)
		626,236,679
PENDAPATAN LAIN		
Pendapatan Faedah	12	14,058,711
		14,058,711
TOLAK: PERBELANJAAN		
Kos Pentadbiran	13	(28,215)
Caj Bank		(122)
JUMLAH PERBELANJAAN		(28,337)
		640,267,053
LEBIHAN KENDALIAN SEBELUM CUKAI		640,267,053
Cukai	14	(179,233,425)
LEBIHAN KENDALIAN BERSIH SELEPAS CUKAI BAGI TAHUN KEWANGAN		461,033,628

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 24 hingga 30 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2017	RM
Baki pada 1 Januari	0
Terimaan Sumbangan dan Pendapatan Lain	1,879,771,852
	1,879,771,852
Perbelanjaan dan Kos Pentadbiran	(1,239,504,799)
Cukai tahun semasa	(179,233,425)
Baki Pada 31 Disember	461,033,628

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 24 hingga 30 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2017
RM**Aliran tunai daripada aktiviti operasi**

Lebihan kendalian sebelum cukai 640,267,053

Pelarasan bagi:

Pendapatan Faedah (14,058,711)

Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja 626,208,342**Perubahan dalam modal kerja:**

Penghutang (218,374,664)

Faedah terakru (402,639)

Pemiutang dan Pelbagai Pemiutang 509,989,320

Tunai diperolehi daripada aktiviti operasi 291,212,017

Bayaran cukai -

Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan 917,420,359**Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan**

Pendapatan rendah 14,058,711

Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan 14,058,711**Penambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai 931,479,070****Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun -****Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun 931,479,070****Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:**

Tunai dan Baki di Bank 187,479,070

Deposit di Bank Berlesen 744,000,000

931,479,070

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. MAKLUMAT AM

Suruhanjaya Tenaga merupakan agensi pengawaiselia tunggal bagi pengawalseliaan dan pembangunan sektor tenaga. Suruhanjaya Tenaga mempunyai tanggungjawab langsung bagi menyelia dan mengawasi kegiatan penjanaan tenaga termasuk mengawalselia setiap individu yang berlesen bawah Akta Suruhanjaya Tenaga, 2001.

2. KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Kumpulan Wang Industri Elektrik ditadbir urus sepenuhnya oleh Suruhanjaya Tenaga yang beroperasi di No. 12 Jalan Tun Hussein, Presint 2, 62100 Putrajaya.

Kumpulan Wang Industri Elektrik telah ditubuhkan melalui Akta Bekalan Elektrik 1990 yang dipinda dan dikuatkuasa pada 1 Januari 2016 bagi tujuan menguruskan impak tarik elektrik kepada pengguna serta apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya Tenaga. Kumpulan Wang Industri Elektrik beroperasi sepenuhnya pada tahun 2017.

Penyata Kewangan ini telah diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga pada 06 Jun 2018.

3. ASAS PERAKAUNAN

Penyata kewangan Suruhanjaya Tenaga yang disediakan adalah mematuhi *Malaysian Private Entity Reporting Standards* (MPERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). Penyata Kewangan telah disediakan berasaskan konvensyen kos sejarah dan amalan perakaunan yang diterima umum di Malaysia.

4. POLISI PERAKAUNAN

24

a) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di bank dan deposit di bank dan institusi kewangan lain yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang 3 bulan dan kurang dari tarikh pembelian dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah secara tidak langsung.

b) Penghutang

Penghutang dinyatakan pada kos dan ditolak dengan peruntukan hutang ragu, jika ada.

c) Pemiutang

Pemiutang dan pelbagai pemiutang dinyatakan pada nilai saksama bayaran yang perlu dibayar untuk barangan dan perkhidmatan yang telah diterima.

d) Rosot Nilai

Nilai bawaan bagi aset-aset Kumpulan Wang Industri Elektrik dan aset kewangan disemak semula pada setiap tarikh lembaran imbalan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk adanya rosot nilai. Jika petunjuk tersebut wujud, nilai perolehan semula akan dianggarkan. Kerugian rosot nilai akan diiktiraf dalam penyata pendapatan melainkan jika nilai bawaan aset tersebut telah dinilai semula, di mana ianya dikenakan ke rizab. Kerugian rosot nilai diiktiraf apabila nilai gunaan bagi aset atau aset yang dipunyai oleh unit penghasilan tunai melebihi nilai penampungnya.

Amaun yang boleh diperolehi adalah nilai yang lebih besar antara harga jualan bersih harta tersebut dan nilai gunaannya. Dalam menentukan nilai gunaan, anggaran nilai tunai masa depan akan didiskaunkan kepada nilai terkini menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menunjukkan penilaian pasaran semasa terhadap nilai masa tunai dan risiko-risiko khusus atas harta tersebut. Bagi aset yang tidak menghasilkan sebahagian besar aliran tunainya secara tersendiri, amaun yang boleh diperolehi ditentukan untuk aset yang dipunyai oleh unit penghasilan tunai untuk aset berkenaan.

Bagi aset-aset yang lain, kerugian rosot nilai akan diambilkira semula apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun yang boleh diperolehi.

Kerugian rosot nilai hanya akan dikira semula ke tahap nilai bawaan aset tersebut tidak melebihi nilai bawaan asal, setelah ditolak susutnilai, seolah-olah kerugian rosot nilai tidak pernah dikenakan. Kira semula tersebut akan dikenakan ke penyata pendapatan, melainkan jika kira semula tersebut dikenakan kepada aset yang dinilai semula, ianya akan dikenakan ke ekuiti.

e) Percukaian

Cukai pendapatan ke atas untung atau rugi bagi tahun berkenaan ialah cukai semasa. Cukai semasa ialah amaun cukai pendapatan dijangka yang perlu dibayar atas untung boleh cukai bagi tahun berkenaan dan diukur dengan menggunakan kadar cukai yang digunakan pada tarikh lembaran imbalan.

Perbelanjaan cukai semasa adalah bayaran cukai yang dijangkakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun semasa, dengan menggunakan kadar cukai yang diwartakan atau sebahagian besarnya diwartakan pada tarikh lembaran imbangan, dan sebarang perubahan pada bayaran cukai untuk tahun terdahulu.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah tanggungan untuk semua perbezaan masa terhasil di antara kadar cukai aset dan tanggungan dan nilai di bawa dalam penyata kewangan. Perbezaan bersifat sementara tidak diiktiraf bagi muhibah, yang tidak dibenarkan bagi tujuan percukaian, dan pada permulaan pengiktirafan aset atau tanggungan dimana pada masa transaksi ianya tidak mempengaruhi keuntungan berkanun dan keuntungan yang boleh dikenakan cukai. Jumlah cukai tertunda yang diperuntukkan adalah berdasarkan kepada jangkaan cara realisasi atau penyelesaian bagi nilai di bawa aset dan tanggungan, menggunakan kadar cukai diwartakan atau sebahagian besarnya diwartakan pada tarikh lembaran imbangan.

Aset cukai tertunda diiktiraf hanya pada mana ianya berkemungkinan keuntungan yang boleh dikenakan cukai di masa hadapan boleh diperolehi dari aset yang digunakan.

f) Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

i) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dari terimaan sumbangan diiktiraf apabila hak yang diluluskan untuk menerima sumbangan disahkan dan diterima pada tahun kewangan mengikut asas akrual. Pendapatan faedah daripada simpanan tetap juga diambilkira mengikut asas akrual.

ii) Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan bagi peruntukan cukai dan kos pentadbiran diambilkira mengikut asas akrual.

g) Pendedahan Pihak Berkaitan

Pihak-pihak yang dianggap berkaitan jika satu pihak mempunyai keupayaan untuk mengawal pihak lain atau melaksanakan pengaruh ke atas pihak lain, setakat mana ia menghalang pihak lain dari mengejar kepentingan sendiri yang berasingan dalam membuat keputusan kewangan dan operasi.

5. FAEDAH BELUM TERIMA

	2017
	RM
Faedah Belum Terima	402,639
JUMLAH	402,639

Pendapatan faedah belum terima adalah faedah belum matang bagi simpanan tetap yang diambil kira dari tarikh penempatan iaitu 26 Disember 2017 sehingga 31 Disember 2017.

6. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2017
	RM
Tunai dan Baki di Bank	187,479,070
Deposit di Bank Berlesen	744,000,000
JUMLAH	931,479,070

Sejumlah tunai ditempatkan di dalam akaun semasa bagi tujuan pembayaran Kos Pelepasan Bahan Api (ICPT) yang telah dijelaskan pada awal Januari 2018. Manakala deposit di akaun simpanan tetap di bank berlesen akan dipindahkan ke akaun simpanan semasa pada tarikh matang.

7. PENGHUTANG

	2017
	RM
Sumbangan dari Penjimatan PPA dan Mekanisme Pengebilan Gas	72,004,664
Sumbangan Surcaj Kos ICPT	146,370,000
JUMLAH	218,374,664

Amaun kutipan daripada Penjimatan Perjanjian Pembelian Tenaga (*PPA Savings*) bagi tempoh April – Ogos 2017 dan Penjimatan Mekanisme Pengebilan Gas (*Gas Billing Mechanism - GBM*) bagi tempoh April - Disember 2017 beserta faedah pelaburan Julai - Ogos 2017 berjumlah RM 72,004,664 masih belum diterima daripada TNB. Selain itu, faedah pelaburan September – Disember 2017 ke atas dana di TNB belum ditentukan dan di ambil kira pada tahun kewangan 2017.

Kutipan dari rundingan semula Perjanjian Pembelian Tenaga dengan Penjana Kuasa Bebas Generasi Pertama berakhir pada bulan Ogos 2017 dan kutipan dari GBM pula adalah berterusan.

Keputusan Jemaah Menteri pada 13 Disember 2017, “supaya TNB memberi sokongan kewangan kepada Kerajaan bagi menyediakan peruntukan sebanyak RM1.2 billion untuk menampung surcaj atau rebat ICPT bermula 1 Januari 2018 dan seterusnya sehingga dana habis digunakan. Dana tersebut akan disalurkan ke dalam Dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE)”. Sebanyak RM146.37 juta diperuntukkan untuk surcaj ICPT bagi tempoh Julai – Disember 2017.

Sumbangan daripada TNB bagi tujuan pembiayaan surcaj ICPT bagi bulan Julai sehingga Disember 2017 akan diterima pada tahun 2018.

8. PEMIUTANG

	2017
	RM
Kos ICPT	340,658,057
Surcaj Kos ICPT	169,303,048
JUMLAH	509,961,105

Kos Pelepasan Bahan Api (ICPT) adalah bagi bulan November dan Disember 2017. Tuntutan Kos ICPT sebenar bagi bulan November 2017 telah dijelaskan pada awal Januari 2018.

Surcaj Kos ICPT bagi bulan Julai – Disember 2017 adalah bagi TNB sebanyak RM146,372,416 dan NUR Distribution Sdn Bhd sebanyak RM22,930,632

Surcaj Kos ICPT dibaca bersama **Nota: 7.**

9. PELBAGAI PEMIUTANG

	2017
	RM
Fi Audit	16,215
Fi Ejen Cukai	7,500
Elaun Kehadiran Mesyuarat	4,500
JUMLAH	28,215

Elaun Kehadiran Mesyuarat adalah elaun yang diberikan kepada wakil tetap atau wakil ganti atau wakil yang hadir dari ahli luar yang hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa KWIE pada tahun 2017. Ahli luar merupakan wakil daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Kementerian Kewangan (MOF) dan Gabungan Persatuan–persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA). Jumlah ini adalah terakru berikutan keputusan mengenai pembayaran Elaun Kehadiran ini hanya diluluskan oleh Mesyuarat Suruhanjaya pada 8 Februari 2018. Pada tahun 2017, Mesyuarat Jawatankuasa KWIE telah diadakan sebanyak 3 kali.

10. TERIMAAN SUMBANGAN

	2017
	RM
Kutipan oleh TNB dari Penjimatan PPA & GBM	1,647,338,477
Sumbangan dari Penjimatan PPA	41,687,148
Sumbangan dari Mekanisme Penjimatan Pengebilan Gas	24,163,108
Faedah pelaburan dana Penjimatan PPA & GBM	6,154,408
Sumbangan Surcaj Kos ICPT	146,370,000
JUMLAH	1,865,713,141

TNB telah memindahkan dana berjumlah **RM1,647,338,477** juta selepas diaudit daripada sumber penjimatan (*savings*) Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) bagi tempoh Mac 2013 – Mac 2017 (dengan mengambil kira (*net-off*) terimaan Penjimatan Bersih ICPT dan pembayaran surcaj ICPT sebanyak RM243.23 juta bagi tempoh Januari – Mac 2017, Mekanisme Pengebilan Gas (*Gas Billing Mechanism–GBM*) bagi tempoh Februari 2014 – Mac 2017 dan faedah bersih selepas cukai. Dana ini telah dipindahkan pada 4 Ogos 2017 dan 6 September 2017 ke akaun KWIE.

Sumbangan dari penjimatan PPA, mekanisme penjimatan pengebilan gas, faedah pelaburan dana penjimatan PPA & GBM dan tampungan surcaj kos ICPT dibaca bersama **Nota: 7**.

11. KOS PELEPASAN BAHAN API (ICPT) / SURCAJ

	2017 RM
Kos Pelepasan Bahan Api (ICPT)	
TNB (Julai - Disember 2017)	1,060,000,000
NUR Distribution Sdn. Bhd.	10,173,414
Sub-Jumlah	1,070,173,414
Surcaj ICPT	
TNB (Julai - Disember 2017)	146,372,416
NUR Distribution Sdn Bhd (Julai – Disember 2017)	22,930,632
JUMLAH	1,239,476,462

Tuntutan Kos Pelepasan Bahan Api (ICPT) yang dijelaskan kepada TNB dan NUR Distribution Sdn Bhd adalah kos sebenar dan terhad setakat amaun yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Disember 2016 dan 21 Jun 2017. Surcaj ICPT bagi tempoh Julai sehingga Disember 2017, dibaca bersama **Nota: 8**.

Surcaj ICPT bagi bulan Januari sehingga Mac 2017 berjumlah **RM243,230,000** telah *dinet-offkan* semasa pemindahan dana terkumpul daripada TNB ke akaun KWIE pada bulan Ogos 2017.

12. PENDAPATAN FAEDAH

	2017 RM
Akaun Simpanan Tetap	
~ Faedah Matang	9,928,215
~ Faedah Belum Terima	402,639
Akaun Simpanan Semasa	3,727,857
JUMLAH	14,058,711

13. KOS PENTADBIRAN

	2017
	RM
Elaun Kehadiran Mesyuarat	4,500
Fi Audit	16,215
Fi Ejen Cukai	7,500
JUMLAH	28,215

Selaras dengan Seksyen 44C Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447), Mesyuarat Suruhanjaya Tenaga (Suruhanjaya) Bil. 7 Tahun 2017 telah memutuskan supaya dana KWIE digunakan bagi membuat pembayaran cukai, kos khidmat perunding, kos khidmat juruaudit atau perkhidmatan khas di luar pentadbiran Suruhanjaya Tenaga. (Dibaca bersama **Nota: 9**)

14. CUKAI

	2017
	RM
Perbelanjaan Cukai	
- Cukai Tahun semasa	179,233,425
JUMLAH	179,233,425

Penyesuaian kadar cukai efektif

Lebihan pendapatan sebelum cukai	640,267,053
Cukai pada RM 1,000,000 pertama	238,650
Baki pada kadar cukai 28%	178,994,775
Pendapatan yang dikecualikan cukai	-
Perbelanjaan Cukai	179,233,425

Permohonan pengecualian cukai pendapatan telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia pada 8 Disember 2017, namun keputusan mengenai pengecualian berkenaan masih dalam pertimbangan.

15. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

30 Transaksi dengan kakitangan pengurusan penting.

Kakitangan pengurusan penting merujuk kepada seseorang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab dalam merancang, mengarah dan mengawal aktiviti KWIE secara langsung atau tidak langsung. Transaksi yang berkaitan dengan kakitangan pengurusan penting dalam tahun kewangan semasa adalah seperti berikut :-

	2017
	RM
Elaun Kehadiran Mesyuarat	4,500
JUMLAH	4,500

SURUHANJAYA TENAGA (ENERGY COMMISSION)

No. 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2,
62100 Putrajaya, Malaysia.

T : (03)8870 8500

F : (03)8888 8637

W: www.st.gov.my

Talian Bebas Tol: 1 – 800 – 2222 – 78 (ST)



Dicetak pada Ecobel White